

2019 UPSR BAHASA MELAYU ULASAN & KARANAGN BONUS

ULASAN 1

Gambar di bawah menunjukkan poster tentang beg plastik.

Tulis ulasan tentang beg plastik tersebut dalam bentuk perenggan.


Panjangnya ulasan kamu hendaklah **antara 50 hingga 80 patah perkataan**.



Kempen Katakan Tidak kepada Beg Plastik telah dilancarkan di kebanyakan pasar raya pada setiap hari Sabtu di seluruh negara. Kempen ini dilaksanakan sebagai sebahagian daripada usaha menyelamatkan bumi daripada pencemaran. Hal ini disebabkan plastik memberikan banyak keburukan kepada manusia dan bumi. Plastik sukar dilupuskan kerana mengambil masa beratus-ratus tahun. Jika dibakar, plastik akan mengeluarkan bahan yang berbahaya kepada kesihatan manusia. Sekiranya ditanam, toksiknya akan merosakkan air di dalam tanah dan juga kesuburan tanah. Oleh itu, marilah kila mengurangkan penggunaan beg plastik.


ULASAN 2

Peta alir di bawah tentang proses kitar semula beg plastic terpakai. Tulis ulasan tentang proses kitar semula beg plastic terpakai tersebut dalam bentuk perenggan. Panjangnya ulasan kamu hendaklah **antara 50 hingga 80 patah perkataan**.



Peta alir menunjukkan proses kitar semula beg plastic terpakai. Tong kitar semula sangat memberi manfaat kerana sampah telah diasingkan sejak awal dan memudahkan kerja kitar semula. Bahan plastic terbuang akan dibungkus dengan rapi. Bungkusan bahan plastic tersebut diangkut oleh lori khas ke kilang kitar semula. Setelah dibersihkan, bahan buangan akan diproses menjadi butir-butir plastic berbentuk bulat sebelum dikitar semula menjadi beg plastic yang baharu. Proses kitar semula mengurangkan pencemaran alam sekitar dan mengelakkan pembaziran bahan bagi membuat beg plastic yang baharu.

ULASAN 3



Pencemaran alam sekitar yang berlaku boleh mendatangkan banyak penyakit kepada manusia. Antaranya penyakit asma, denggi dan sebagainya. Selain itu, pencemaran alam sekitar juga menyebabkan bencana alam. Bencana alam seperti banjir kilat berpunca daripada kegiatan pembuangan sampah ke dalam sungai hingga menyebabkan pengaliran air sungai ke laut terhalang. Pencemaran alam sekitar turut menjejaskan sektor pertanian negara. Hasil pertanian didapati semakin menurun dan kualitinya pula menjadi kurang baik. Kesimpulannya, semua pihak haruslah bekerjasama supaya alam sekitar di negara terjamin dengan kebersihan semula jadi.

ULASAN 4

KESAN POSITIF GOTONG-ROYONG



• Merapatkan hubungan

• Kerja dapat disiapkan dengan segera

• Mengukuhkan perpaduan kaum

Gotong - royong melahirkan pelbagai manfaat khususnya kepada masyarakat di negara kita. Antaranya, kerja yang berat bukan sahaja menjadi ringan bahkan sesuatu kerja dapat disiapkan dengan cepat. Justeru, semangat bekerjasama dapat dipertingkatkan dan pelbagai aktiviti lain yang dirancang akan berjalan dengan lancar. Selain itu, aktiviti ini juga mampu merapatkan hubungan silaturahim antara penduduk pelbagai kaum di Malaysia. Bukan itu sahaja, semangat kejiwaan bertambah kukuh dan pastinya keharmonian di negara kita akan berkekalan. Akhir sekali, aktiviti gotong-royong mampu mengukuhkan perpaduan kaum seperti kaum Melayu, Cina dan kaum India. Apabila perpaduan begitu kuat pastinya anasir-anasir luar yang ingin mengganggu gugat negara kita pasti tidak akan tercapai. Tuntasnya, aktiviti gotong-royong perlu diperbanyak di negara kita kerana menzahirkan pelbagai manfaat di samping menjadi faktor hubungan kemasyarakatan bertambah mesra dan erat.

KARANGAN 1

Satu kemalangan jalan raya yang ngeri telah berlaku dan sebagai seorang pemberita, tuliskan **berita** tentang kemalangan tersebut.

Kemalangan Jalan Raya

IPOH , Selasa – Satu kemalangan jalan raya telah berlaku berhampiran jalan menuju ke tambun, lewat petang semalam. Kemalangan ini melibatkan tiga buah kereta dan sebuah lori membawa sayur-sayuran. Kemalangan berlaku ketika hujan turun dengan lebat. Jalan raya dalam keadaan licin dan penglihatan pemandu agak samara

Kemalangan jalan raya ini telah meragut dua nyawa. Tiga lagi mangsa dalam keadaan parah. Mereka telah dikejarkan ke Hospital Ipoh untuk rawatan lanjut. Dua lagi hanya mendapat kecederaan ringan.

Mangsa yang terbunuh dikenali sebagai Rajasinggam 45 dan Ah Chong 5. Kedua-dua mangsa ialah pemandu dan kalindan lori tersebut. Mangsa yang cedera John Goh 23, Azfak 18 dan Azpang Berabi 15. Kedua-dua mangsa merupakan adik-beradik.

Punca kemalangan akibat lori yang terbabas dan memasuki lorong yang bertentangan. Kenderaan tersebut bertembung dengan sebuah kereta yang dipandu dari arah utara. Dua buah kereta dari arah belakang turut melanggar kereta mangsa. Mangsa terseret hampir 50 meter dari tempat kejadian.

Pihak bomba dan polis mengambil masa 15 minit tiba di tempat kejadian. Mangsa yang terbunuh tersepit di tempat pemandu. Pasukan penyelamat mengambil masa hampir setengah jam untuk mengeluarkan mangsa. Mangsa yang cedera dikejarkan ke hospital dengan sebuah ambulans.

Punca kemalangan sebenar masih dalam siasatan pihak berkuasa. Hal ini menyebabkan berlaku kesesakan lalu lintas hampir dua kilometer. Kenderaan yang terlibat menghalang pergerakan lalu lintas. Kesesakan berjaya diatasi dengan kedatangan pihak polis.

Pihak berkuasa menasihati pemandu supaya berhati-hati sewaktu memandu. Hujan turun dengan lebat pada setiap petang turut menjadi penyebab kemalangan. Penglihatan menjadi tidak jelas dan terhad.

KARANGAN 2

Punca-punca Kemalangan Jalan raya

Kemalangan jalan raya di negara kita semakin meningkat. Senario ini bertambah pada musim perayaan . Oleh itu, orang ramai mestilah berhati-hati sewaktu memandu di jalan raya.

Antara punca kemalangan jalan raya berpunca daripada sikap manusia. Mereka memandu kenderaan dalam keadaan mabuk. Natijahnya, mereka gagal untuk mengawal kenderaan apabila berlaku kecemasan kerana dipengaruhi oleh alkohol.

Selain itu, punca kemalangan akibat kenderaan yang dipandu dalam keadaan yang tidak stabil. Contohnya seperti tayar yang telah botak, sistem brek yang kurang berfungsi dan pelbagai lagi. Kenderaan ini pastinya gagal untuk berfungsi dengan baik jika berlaku sesuatu perkara yang tidak diduga.

Sistem jalan raya yang masih tidak dinaik taraf antara faktor penyumbang. Jalan raya masih sempit dan berliku-liku. Selain itu, lampu isyarat tidak diletakkan di persimpangan yang sibuk. Kemalangan mudah berlaku akibat sistem jalan raya yang masih tidak sempurna.

Akhir sekali, penguatkuasaan undang-undang masih longgar. Hukuman ringan yang dikenakan tidak mendatangkan kesan kepada pesalah trafik. Pada masa yang sama kurangnya operasi menyebabkan para pemandu bermahara lela di jalan raya.

Kadar kemalangan jalan raya yang tinggi perlu ditangani. Negara kehilangan banyak generasi yang terkorban di jalan raya. Senario ini amat merugikan kerana golongan inilah yang menjadi pelapis pada suatu hari nanti.

KARANGAN 3

Langkah - langkah Mengurangkan Kemalangan Jalan raya

Kemalangan jalan raya sering berlaku di negara kita. Jumlah kemalangan semakin meningkat pada setiap tahun. Jumlah kemalangan bertambah dua hingga tiga kali ganda pada musim-musim perayaan.

Pelbagai kaedah boleh dilaksanakan untuk mengatasi fenomena ini. Antaranya dengan menguatkuasakan undang-undang. Hukuman berat dan denda yang tinggi dikenakan kepada pesalah lalu lintas.

Selain itu, pihak berwajib mestilah mengadakan operasi secara berterusan. Senario ini penting untuk menangkap pemandu yang tidak memiliki lesen memandu, memandu dalam keadaan mabuk dan sebagainya. Golongan inilah yang sering menyebabkan kemalangan di jalan raya semakin meningkat.

Kempen pemanduan yang berhemah mestilah disiarkan dalam media masa secara berterusan. Secara tidak langsung mampu menerapkan nilai-nilai murni kepada masyarakat. Impaknya orang ramai akan memandu dengan mengikuti peraturan di jalan raya.

Pihak kerajaan mestilah sentiasa menaik taraf jalan raya di negara kita. Jalan yang berlubang-lubang pastikan diturap dengan segera. Pada masa yang sama, lampu isyarat diletakkan di simpang-simpang yang sibuk dengan kenderaan.

Akhirul kalam, kemalangan jalan raya mestilah ditangani dengan segera. Negara banyak mengalami kerugian kerana ramai generasi muda yang telah terbunuh di jalan raya. Oleh itu pandulah dengan berhati-hati dan ingatlah orang yang tersayang di rumah.

KARANGAN 4

Faedah - faedah Memiliki Ramai Kawan

Berkawan biar beribu dan berkasih biar satu antara bidalan Melayu yang cukup terkenal. Justeru, kita mestilah memiliki ramai kawan kerana dapat menzahirkan pelbagai manfaat. Di samping itu, biarlah kawan-kawan kita datangnya daripada pelbagai rumpun bangsa yang mendiami negara ini.

Kita dapat meminta pertolongan daripada rakan-rakan jika kita dihimpit kesusahan. Kawan yang baik pasti akan membantu kita baik dalam apa-apa jua situasi yang kita alami. Mereka akan datang membantu tanpa mengira waktu dan tempat.

Memiliki ramai kawan membolehkan kita bertukar-tukar pendapat dan pengetahuan. Kita boleh meminta pertolongan jika kita mengalami masalah dalam pembelajaran. Sebagai contoh, kawan-kawan yang bijak dalam matematik akan membantu kita untuk cemerlang dalam mata pelajaran tersebut.

Cubit peha kiri peha kanan akan terasa jua sakitnya. Kawan-kawan akan memberi kita semangat dan perangsang dalam sesuatu perkara. Mereka tidak akan membiarkan kita berseorangan. Jika kita jatuh sakit, pasti mereka akan datang menziarahi baik di rumah mahupun di hospital.

Kawan-kawan juga landasan yang tepat untuk kita meluahkan perasaan selain ibu bapa kita. Kawan yang setia akan mendengar segala permasalahan yang dicurah di samping mencari jalan untuk mengatasinya apabila kita dibelenggu masalah. Oleh itu, jagalah hati kawan sebagaimana kita menjaga perasaan orang tua kita.

Hidup ini menjadi lebih berwarna-warni dengan kehadiran ramai rakan. Kita boleh menyambut hari lahir bersama-sama mereka. Kita juga boleh bermain bersama-sama, belajar dan bersiar-siar dengan insan yang dipanggil rakan-rakan.

KARANGAN 5

Faedah-faedah Perpustakaan

Perpustakaan mendatangkan pelbagai faedah. Kita perlu menggunakan kemudahan perpustakaan yang terdapat di sekolah. Perpustakaan gedung ilmu pengetahuan dalam pelbagai perkara.

Kita boleh meminjam buku dari perpustakaan. Kita tidak perlu membeli buku dari kedai-kedai buku di luar. Kita dapat menjimatkan perbelanjaan dan wang yang ada dapat kita gunakan untuk perkara yang lain.

Kita juga boleh membuat rujukan dan mendapatkan pelbagai maklumat. Buku-buku di perpustakaan dapat membantu kita dalam menyiapkan tugas yang diberi oleh guru. Oleh itu, kita mampu berjaya dengan cemerlang dalam peperiksaan.

Selain itu, perpustakaan merupakan tempat belajar yang paling selesa. Suasana di dalam perpustakaan amat tenang. Kita tidak boleh berbuat bising dan bermain sewaktu berada di dalam perpustakaan.

Kita dapat menambahkan pengetahuan dan pengalaman. Di perpustakaan menyediakan pelbagai jenis buku dan majalah. Justeru, pengetahuan seseorang dapat ditingkatkan dari masa ke masa.

Kita boleh melayari internet untuk mendapatkan pelbagai maklumat. Hal ini demikian kerana di perpustakaan disediakan kemudahan komputer. Kita boleh menggunakannya pada bila-bila masa sahaja.

Perpustakaan tempat yang paling sesuai untuk seseorang pelajar. Kita juga dapat memenuhi masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah. Kita akan terhindar daripada terjebak dalam gejala yang tidak bermoral seperti penagihan dadah dan pelbagai lagi.

KARANGAN 6

Faedah Berkebun Sayur Di Rumah

Berkebun sayur merupakan aktiviti yang banyak mendatangkan manfaat. Sekiranya terdapat tanah kosong di sekitar rumah, eloklah kita berkebun.

Antara manfaat berkebun sayur ialah kita akan memperoleh hasil yang segar. Sayur-sayuran yang dipetik di kebun lebih segar dan berkhasiat berbanding jika dibeli di pasar.

Di samping itu, aktiviti ini juga boleh memberikan pendapatan sampingan kepada kita. Hasil tanaman yang dipetik boleh dijual sekali gus dapat meningkatkan ekonomi keluarga.

Selain itu, berkebun juga dapat menyihatkan tubuh badan. Apabila kita berkebun sudah pasti badan akan mengeluarkan peluh. Secara tidak langsung, berkebun turut menjadi senaman.

Seterusnya, berkebun sayur juga dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan. Hal ini demikian kerana ibu bapa dan anak-anak akan berganding bahu menguruskan kebun sayur di kawasan rumah.

Kesimpulannya, berkebun sayur memberi banyak kebaikan. Oleh itu, manfaatkanlah ruang kosong di kawasan rumah dengan bercucuk tanam.

KARANGAN 7

Laporan Hari Kanak-kanak

Pada hari Sabtu yang lalu, murid-murid diminta hadir ke sekolah. Guru besar memberitahu bahawa sekolah akan mengadakan sambutan hari kanak-kanak. Saya berasa gembira mendengar berita tersebut.

Pada jam 8.00 pagi, murid-murid berkumpul di dewan sekolah. Guru besar menyampaikan ucapan. Dalam ucapannya guru besar mahu kami menjadi murid yang baik.

Pada jam 9.00 pagi, acara sukaneka telah diadakan di padang. Guru-guru dan murid-murid terlibat dalam acara lari dalam guni, meniup belon dan tarik tali. Kami berasa seronok apabila melihat gelagat guru-guru yang menunjukkan kebolehan mereka di padang.

Pada waktu rehat, guru kelas kami, Cikgu Junaidah telah menghadiahkan setiap murid kelas kami dengan sebatang aiskrim. Kami berasa sangat seronok. Kami mengucapkan terima kasih atas pemberian itu.

Pada jam 11.00 pagi, kami melihat persembahaa murid-murid tahun enam. Mereka menyanyi, menari dan membaca sajak. Kami terhibur dengan persembahan mereka yang rata-rata ada bakat.

Kami dibenarkan pulang pada jam 12.00 tengah hari. Apabila mendapati kereta ayah sudah tiba, saya segera menuju ke pintu pagar. Hari ini saya amat gembira kerana guru-guru meraikan semua murid.

Laporan disediakan oleh,

Aisyah
(Aisyah Binti Hamid)

25 Julai 2018

KARANGAN 8

Laporan Sambutan Hari Kemerdekaan

Pada 27 Ogos 2018 yang lalu, Sekolah Kebangsaan Tengku Mahmood Iskandar I telah mengadakan sambutan Hari Kemerdekaan. Majlis tersebut telah dihadiri oleh warga sekolah. Sambutan ini dirasmikan oleh Guru Besar melalui gimik perasmian dengan melepaskan burung sebagai simbol kemerdekaan negara ini.

Tujuan sambutan tersebut diadakan adalah untuk menyemai rasa bersyukur dengan nikmat kemerdekaan yang dikecapi. Sebagai rakyat Malaysia, kita perlulah berbangga dan berusaha memelihara keharmonian negara. Murid-murid juga dipersembahkan dengan tayangan video pendek yang menceritakan tentang pahit getir pejuang negara terdahulu.

Kemudian, terdapat juga beberapa persembahan yang menarik daripada murid-murid seperti persembahan silat dan sketsa yang dilakonkan oleh murid Tahun Lima Mawar. Pertandingan koir lagu patriotik juga turut diadakan dan mendapat sambutan yang

sangat meriah. Para juri bagi pertandingan koir terdiri daripada tiga orang guru muzik. Beberapa buah hamper disediakan sebagai hadiah kepada para pemenang.

Selain itu, murid-murid dan warga sekolah yang lain turut mengibarkan Jalur Gemilang sambil menyanyikan lagu patriotik seperti Aku Negaraku, Merdeka, Jalur Gemilang dan Wawasan 2020. Murid-murid penuh bersemangat dan berbangga semasa menyanyikan lagu-lagu tersebut. Perasaan kasih dan cinta akan negara terpahat dalam jiwa murid-murid.

Aktiviti seperti ini sangat wajar diadakan setiap tahun untuk melahirkan para pelapis negara yang berjiwa patriotik dan cinta akan negara. Kibaran Jalur Gemilang menjadi lambang perpaduan rakyat yang berbilang kaum di negara ini.

Disediakan oleh,
Santini Ameera
(SANTINI AMEERA)
Setiausaha,
Sambutan Hari Kemerdekaan,
Sekolah Kebangsaan Tengku Mahmood Iskandar I.

5 SEPTEMBER 2018

KARANGAN 9

Catatan Tentang Pertandingan Bercerita

Selasa, 4 April 2018

8.00 pagi - Saya memerhatikan rakan-rakan yang sedang membaca nota. Saya yakin, mereka juga seperti saya berusaha menghafal cerita yang akan diperdengarkan. Seramai 15 orang murid daripada tahap dua mengambil bahagian dalam Pertandingan Cerita Moral.

8.35 pagi - Undian dijalankan dan saya mendapat giliran kelapan. Juruacara majlis, Cikgu Anita membacakan syarat-syarat pertandingan. Antaranya, beliau menyebut bahawa hakim akan menilai dari segi kefasihan, gaya, dan pengajaran cerita.

8.50 pagi - Pertandingan dimulakan. Saya memerhatikan peserta pertama, Zahari dari kelas 5 Intelek begitu lancar menyampaikan cerita seperti bertih goreng. Saya meyakinkan diri bahawa saya lebih baik daripada peserta lain.

10.05 pagi - Kini, giliran saya menyampaikan cerita yang bertajuk "Perlumbaan Kura-kura dengan Arnab" selama tujuh minit. Saya menekankan aspek gaya. Ada ketikanya saya bersuara mengikut watak yang saya perkatakan.

10.25 pagi - Selepas selesai menyampaikan cerita, perasaan gementar telah hilang. Saya tidak dapat memberikan perhatian terhadap cerita rakan-rakan yang lain. Perasaan saya tertumpu kepada keputusan yang bakal diumumkan.

11.00 pagi - Bila-bila masa sahaja lagi keputusan akan diumumkan. Guru Besar sudah


berdiri di atas pentas untuk menyampaikan hadiah. Pemenang ketiga dan kedua sudah diumumkan dan kini saya menanti pemenang pertama.

11.15 pagi - Rakan-rakan mengucapkan tahniah atas kemenangan saya yang memperoleh tempat pertama. Saya segera mengucapkan terima kasih kepada Cikgu Fadilah yang banyak rnenunjuk ajar saya. Hati saya mengucapkan rasa syukur dan terlalu gembira bagai emak mandul baru beranak.

KARANGAN 10

Poster menunjukkan program Satu Murid Satu Pokok yang diadakan di sekolah baru-baru ini. Kamu terlibat dalam program tersebut.

Kamu menulis **catatan** harian tentang program tersebut di dalam diari. Tulis catatan kamu itu selengkapnya.



Rabu, 24 Ogos 2018

7.45 pagi

Saya sampai di pekarangan sekolah. Saya meletakkan anak pokok yang dibawa dari rumah di hadapan tapak perhimpunan. Kemudian saya beratur mengikut kelas.

8.00 pagi

Guru besar memberikan ucapan dan taklimat tentang Program Satu Murid Satu Pokok. Guru bertugas membahagikan murid mengikut kumpulan berdasarkan kawasan penanaman pokok.

8.30 pagi

Murid-murid mengambil anak pokok masing-masing lalu bergerak menuju ke kawasan yang ditetapkan. Setiap kumpulan dipantau oleh tiga orang guru yang akan membantu murid-murid.

8.45 pagi

Persiapan untuk menanam pokok dibuat. Ada mengorek lubang dan ada yang memasukkan tanah ke dalam pasu. Semua kerja ini dibantu oleh guru-guru.

9.30 pagi

Guru bertugas meniup wisel menandakan waktu untuk menanam anak pokok secara serentak di sekolah di seluruh negara. Selepas itu, anak pokok disiram dengan air.

10.00 pagi

Kami menuju ke kantin untuk menikmati hidangan. Ketika menjamu selera, guru besar mengucapkan terima kasih atas kerjasama semua yang terlibat.

KARANGAN 11

Perkemahan Pengakap Negeri Selangor

Pada hujung minggu yang lalu, saya bersama 10 orang pengakap dari Daerah Petaling telah terpilih menyertai perkemahan pengakap peringkat Negeri Selangor. Perkemahan kali ini telah diadakan di Hutan Rimba Komanwel yang terletak di Rawang, Selangor. Semua daerah di negeri Selangor diwajibkan menghantar para peserta. Antara daerah yang terlibat seperti Daerah Hulu Selangor, Sepang, Sabak Bernam dan pelbagai lagi.

Setibanya di sana, kami diberikan taklimat oleh Pesuruhjaya Pengakap Negeri Selangor. Selepas itu, kami mendirikan khemah yang mampu memuatkan lima orang peserta. Kami berganding bahu supaya proses mendirikan khemah berjalan dengan lancar.

Setelah selesai peringkat pertama, kami diarahkan memasak untuk hidangan makan malam. Kami memasak nasi, sardin dan telur goreng. Pelbagai gelagat peserta dapat dilihat dalam proses kedua ini. Selepas itu, kami diarahkan untuk mandi di sungai yang berhampiran dan seterusnya bersolat maghrib secara berjamaah.

Selepas itu, kami makan malam sambil disinari cahaya bulan yang mengambang penuh. Pada malam itu, slot berkenalan-kenalan antara para peserta dilakukan. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengenali para peserta yang datang dari sekolah yang berlainan.

Keesokan harinya, kami melakukan ekspedisi berjalan di dalam hutan yang terdapat di sekitar tapak perkemahan. Kami melihat pelbagai flora dan fauna yang mengagumkan. Selepas itu, kami didedahkan dengan cara hidup ketika sesat di hutan oleh jurulatih yang berpengalaman.

Pada petang hari Ahad,kami bersiap-siap untuk pulang. Hadiah-hadiah disampaikan kepada para pemenang kategori khemah terbaik,masakan terenak dan pertandingan kawad kaki. Sekolah kami telah muncul sebagai pemenang kawad kaki terbaik. Itulah pengalaman yang tidak dapat saya lupakan.

KARANGAN 12

Sebagai wakil murid , kamu dikehendaki menyampaikan ucapan dalam majlis meraikan kejayaan rakan kamu dalam suatu pertandingan. Tulis **ucapan** kamu selengkapnya.

Selamat sejahtera Tuan Pengerusi Majlis,yang berbahagia Tuan Guru Besar,Guru Penolong Kanan,guru-guru dan teman seperjuangan yang dihormati sekalian. Terlebih dahulu saya merakamkan ribuan terima kasih kerana diberi kesempatan untuk menyampaikan sepatah dua kata dalam majlis meraikan kejayaan rakan kita iaitu Muhammad Daniel Farhan setelah menjadi juara dalam pertandingan berpidato peringkat kebangsaan.

Hadirin yang dihormati,

Tahniah saya ucapkan kepada rakan kita kerana telah berjaya mengharumkan nama sekolah. Setelah sekian lama imej sekolah kita tidak melonjak naik,kini telah menjadi sebutan ramai apabila Muhammad Daniel Farhan muncul juara berpidato peringkat kebangsaan.Kami di sekolah ini amat berasa bangga dengan kebolehan dan bakat yang ada pada rakan kita ini.

Sebenarnya bakat yang ada pada Daniel Farhan telah dikesan sejak berada di tahun empat lagi. Cikgu Deen guru bahasa Melayu telah mengasah bakat rakan kita ini dan mulai menjuarai pelbagai pertandingan pidato yang diadakan di peringkat sekolah mahupun daerah. Kejuaraan demi kejuaraan telah dirangkul dan yang terkini ialah menjadi johan peringkat kebangsaan.

Hadirin yang dimuliakan,

Rakan kita ini kini berada di tahun enam. Justeru,saya berharap murid-murid di tahun empat dan lima berusaha untuk menjadi pelapis agar sekolah kita tidak ketandusan dalam melahirkan pemedato yang hebat. Belajarlah daripada rakan kita itu cara-cara untuk menjadi pemedato yang terbaik.

Kami murid-murid di sekolah ini berharap semoga Daniel Farhan terus menyerlah ketika berada di sekolah menengah. Bukan mudah untuk berjaya di peringkat yang tertinggi tanpa usaha dan kegigihan yang benar-benar jitu. Teruskan kehebatanmu agar kami berasa bangga walau di mana kamu berada.

Sekian sahaja ucapan saya pada kali ini. Akhir kata sekalung tahniah atas kejayaan ini dan sememangnya anda memang benar-benar hebat. Sekian,terima kasih.